



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
1 JANUARI 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	RACUN PEROSAK HARAM TERUS DISELUDUP, DIJUAL, DALAM NEGERI, UM -6 LIPIS HAB TANAMAN ROCK MELON, TEMERLOH, SH -24	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	PENYELIDIK UNIMAS TEMUI KAEDAH PEMBIAKAN IKAN BUNTAL KUNING SECARA ARUHAN, SETEMPAT, HM -15	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	8 SAHABAT TERNAK ITIK TELUR BAWAH JAMBATAN, SETEMPAT, HM -15	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6.	PPI FOR LOCAL PRODUCTION DOWN 2.9% IN NOVEMBER, NEWS, THE STAR -4 PRODUCER PRICE INDEX DOWN 2.9PC IN NOVEMBER, NEWS / BUSINESS, NST -17	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/1/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

# Racun perosak haram terus diseludup, dijual

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**  
 pengarang@utusan.com.my

**ALOR SETAR 31 Dis.** - Penggunaan racun perosak tidak berdaftar atau berstatus haram yang pernah didedahkan *Utusan Malaysia* sebelum ini masih belum menampilkan pengurangan, sebaliknya terus berleluasa dijual di pasaran gelap sekitar negeri ini dan Perlis.

Dipercayai kawalan pintu sempadan yang didakwa longgar menjadi antara faktor racun perosak haram berkenaan begitu mudah diseludup masuk.

Perkara itu disuarakan oleh Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban, yang mendakwa racun berkenaan disembunyikan dalam kontena atau lori membawa sayur-sayuran ke-



**MOHD. SHAZWAN**

tika memasuki negara ini.

Malah dakwanya, pihak tidak bertanggungjawab itu juga memanipulasikan dokumen kononnya racun perosak dibawa masuk itu sah, namun sebaliknya kandungan dalam produk berkenaan adalah haram.

Katanya, antara racun haram yang dibawa dari China itu adalah seperti produk cap tengkorak dan paraquat.

"Selalunya ketika melalui pemeriksaan di kawasan sempadan khususnya di Bukit Kayu Hitam, mereka akan memaklumkan kepada anggota penguat kuasa mem-

bawa sayur-sayuran tetapi racun tersebut disembunyikan di dalamnya.

"Bagi mengelirukan pihak berkuasa, bahagian hadapan kotak racun terbabit diletakkan logo sah, namun isi kandungan produk terbabit sebenarnya adalah tidak dibenarkan seperti Endosulfan bagi racun cap tengkorak dan Gramoxone bagi produk jenis paraquat," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Tambah Mohd. Shazwan, racun berkenaan dikesan dijual oleh segelintir pengusaha dan pengedar alat pertanian di sini, Pendang, Pulau Pinang dan Perlis.

Bagaimanapun dakwanya, tidak semua petani mendapat akses untuk membeli racun-racun makhluk perosak itu kerana tidak dijual secara terbuka bagi mengelak kegiatan mereka dilaporkan pihak berkuasa.

**! Eksklusif**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/1/2019	SINAR HARIAN	TEMERLOH	24

# Lipis hab tanaman rock melon



Wan Rosdy menyaksikan majlis tandatangan memorandum persefahaman sambil diperhatikan Mohd Soffi dan Nazipah.



Ladang rock melon yang bakal menjadi lokasi pengeluaran utama buah berkenaan.

## Faktor fizikal dan cuaca hasilkan buah terbaik

ROSILAWATI ROSEDI

LIPIS

**F**aktor fizikal dan cuaca menjadikan daerah ini berpotensi sebagai pengeluar rock melon atau tembikai wangi di negara ini.

Kelebihan itu juga menyebabkan Lipis bakal menjadi hab tanaman buah itu dalam usaha menampung permintaan tinggi dari dalam dan luar negara.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, tanah di daerah ini sesuai untuk penanamannya dan menghasilkan kualiti yang baik.

"Pada masa ini penanaman rock melon di Kuala Medang berjaya menghasilkan buah berkualiti, manis dan mendapat permintaan tinggi

**Pada masa ini penanaman rock melon yang dibuat di Kuala Medang di sini berjaya menghasilkan buah berkualiti dan manis yang mendapat permintaan tinggi." - Wan Rosdy**

"Jadi kita akan memperluaskan lagi penanaman rock melon di daerah ini. Dalam tempoh terdekat kita akan memperluaskan ke Tanjung Besar di Benta," katanya pada Hari Bertemu Pelanggan Jawatankuasa Pertanian, In-

dustri Asas Tani dan Bioteknologi negeri di Ladang Kontrak Rock Melon Kuala Medang semalam.

Hadir sama, Exco Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi negeri, Datuk Seri Ir Mohd

Soffi Abd Razak dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Datuk Nazipah Jamaluddin.

Dalam majlis sama, Wan Rosdy turut menyaksikan majlis memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) antara peserta ladang kontrak dengan (Fama) bagi memasarkan buah berkenaan.

Menurutnya, kini terdapat kira-kira 8.5 hektar kawasan penanaman rock melon. Katanya, selain dipasar-

kan di dalam negara, buah itu bakal dipasarkan ke luar negara seperti Taiwan.

Sementara itu katanya, kerajaan negeri menyalurkan sebanyak RM500,000 kepada Jabatan Pertanian untuk membantu peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Jelai.

"Peruntukan berkenaan boleh digunakan bagi membantu peserta yang berhadapan pelbagai masalah seperti serangan gajah atau pembinaan parit dan sebagainya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/1/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	15



01-01-2019

**setempat** 15

**HARIAN METRO**

## Penyelidik UNIMAS temui kaedah pembiakan ikan buntal kuning secara aruhan

ikan buntal kuning di peringkat dunia. Artikel saintifik daripada jurnal tempatan atau antarabangsa yang diterbitkan sebelum ini juga semuanya hanya berkisar mengenai tetrodotoksin," katanya.

Musim ikan buntal kuning bermula dari April hingga Oktober di sepanjang Batang Saribas dan Kampung Mangut, Spaoh.

Ahmad Syafiq berkata,

sebelum ini antara spesies ikan buntal yang berjaya dibiakkan ialah 'green spotted puffer fish' di Amerika Syarikat dan tiger pufferfish di Jepun.

"Sejak penemuan kaedah ini, kami menjalankan proses pembiakan lebih 15 kali dan berjaya menghasilkan puluhan ribu benih ikan buntal kuning.

"Buat masa ini kitaran hidup ikan buntal kuning ini

hanya berjaya diternak sehingga ke peringkat larva dan juvenil saja, kami masih melakukan kajian supaya berjaya hingga ke peringkat dewasa," katanya.

Menurutnya, kaedah aruhan yang digunakan juga tidak menggunakan sebarang hormon, sebaliknya membabitkan manusia sewaktu mengumpulkan telur dan sperma daripada induk

jantan dan betina.

"Perut induk betina dan jantan yang matang perlu diurut perlahan-lahan untuk mengeluarkan telur dan sperma bagi proses persenyawaan," katanya sambil menambah, kejayaan kajian mereka disiarikan dalam jurnal antarabangsa Aquaculture Research.

Sementara itu, Ahmad Syafiq berkata, ikan buntal memiliki toksin

tetrodotoksin (TTX), sejenis toksin yang tergolong dalam kumpulan neurotoksin (toksin yang menyerang bahagian neuro atau sistem saraf).

Katanya, kesan tetrodotoksin sekiranya termakan, boleh mengakibatkan keracunan sehingga menyebabkan kematian, bergantung kepada kadar dos yang diambil oleh seseorang individu.

"Mekanisme keracunan tetrodotoksin berlaku apabila saluran natrium menjadi

tersumbat dan menghalang transmisi isyarat secara normal antara bahagian badan ke otak.

"Ini menyebabkan sel otot menjadi lumpuh seterusnya mengakibatkan kegagalan pernafasan akibat diafragma tidak berfungsi seterusnya menyebabkan kematian.

"Simptom keracunan tetrodotoksin termasuklah kebas di bahagian bibir dan lidah, hypersalivation (pengeluaran air liur secara berlebihan), berpeluh, sakit kepala, badan menjadi lemah, muntah, cirit-birit serta sesak nafas," katanya.

-BERNAMA

## 8 sahabat ternak itik telur bawah jambatan

bergantung pada nasib," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Mohd Khir berkata, itik yang dibeli mereka berusia enam dan tujuh bulan serta akan diternak beberapa bulan sebelum hasil dapat dikutip.

"Itik yang kami ternak adalah untuk telur saja. Setakat ini, sebahagian sudah bertelur," katanya yang bergilir-gilir menjaga dan memberi makan kepada itik itu bersama rakannya.

Mohd Khir berkata, telur itu dijual kepada beberapa peniaga tempatan dengan harga antara 80 sen ke bawah.

Mereka juga kini sedang berusaha mendapatkan lesen menternak daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan.



**PERUSAHAAN yang digerakkan lapan sahabat kini membuahkan hasil.**





**DEDAK dicampur bersama nasi yang ditanak untuk diberikan kepada itik.**      **BATANG keladi vano dicampur denaan dedak untuk makanan 500 itik telur.**

**Kuching:** Sekumpulan pengkaji berjaya menemukan kaedah pembiakan ikan buntal kuning secara kaedah aruhan, penemuan serta kejayaan pertama di peringkat dunia.

Pensyarah Jabatan Sains Akuatik Fakulti Sains dan Teknologi Sumber Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Madya Dr Samsur Mohamad berkata, kajian dilakukannya bersama bekas pelajar Doktor Falsafah (PhD) Dr Ahmad Syafiq Ahmad Nasir dan Institut Penyelidikan Perikanan Malaysia Sarawak.

Beliau berkata, pembiakan ikan buntal secara aruhan bertujuan memudahkan pengkaji melihat perkembangan spesies terbahit seterusnya membantu sektor akuakultur.

"Teknik aruhan dilakukan untuk mencari benih ikan buntal kuning kerana buat masa ini kita tidak pernah menjumpai telur ikan itu di kawasan liar atau habitat asal.

"Menerusi teknik ini kita dapat melihat bagaimana anak ikan buntal berkembang, bermula proses persenyawaan hingga




**Teknik aruhan dilakukan untuk mencari benih ikan buntal kuning kerana buat masa ini kita tidak pernah menjumpai telur ikan itu di kawasan liar atau habitat asal"**

*Dr Samsur*

sebesar kira-kira dua sentimeter.

"Kajian lebih tiga tahun ini satu kejayaan kerana tidak pernah ada penemuan mengenai kaedah aruhan



**Kota Bharu:** Kerja menternak itik telur amat sukar dan ia memerlukan kesabaran tinggi, menyebabkan pekerjaan itu jarang diceburi golongan muda.

Bagaimanapun, lapan sahabat dari Kampung Paloh, di sini cuba memecah tradisi itu dengan menternak 500 itik telur di bawah jambatan dekat Lembah Sireh di sini.

Seorang daripada mereka Mohd Khir Muzakir, 27, berkata dia dan tujuh 'rakan kongsinya' baru menceburi bidang itu sebulan yang lalu.

Bermoddalkan duit sebanyak RM27,000, bapa kepada dua anak itu berkata, mereka membeli itik dengan seorang pembekal dari Pasir Mas dengan harga RM5.50 seekor.

"Kami sedar jarang sangat golongan muda ingin menceburi bidang ini kerana kaedah penjagaan itik ini rumit sedikit dan ia memerlukan satu kesabaran yang tinggi.

"Ini kerana bukan semua itik yang ditenak akan mengeluarkan hasil. Ia



MOHD Khir mengutip telur itik yang ditenak.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/1/2019	THE STAR	NEWS	4

# PPI for local production down 2.9% in November

**KUALA LUMPUR:** The Producer Price Index (PPI) for local production decreased 2.9% year-on-year (y-o-y) in November 2018 from 0.7% in the preceding month.

In a statement yesterday, the Department of Statistics said the decrease in the overall index was mainly due to y-o-y decline in agriculture, forestry and fishing (-22.7%), manufacturing (-1.8%) and water supply (-0.1%).

“Conversely, the index of mining as well as electricity and gas supply rose 4.5% and 1.2% respectively,” it said. Compared with the previous month, the PPI for local production registered a decline of 2.8% in November which was contributed by the indices of mining (-16.4%), agriculture, forestry and fishing (-6.4%) as well as manufacturing (-0.7%).

Water supply recorded a gain of 0.5% while electricity and gas supply increased 0.3%, it said. Meanwhile, the agency said the PPI for local production by stage of processing (SOP) slid 2.8% in November from the previous month. All indices experienced a decline. Crude materials for further processing saw a 10.9% drop, finished goods



**Big catch:** Fishermen returning with a big catch at Kuala Kedah. The Department of Statistics said the decrease in the overall PPI for November was mainly due to y-o-y decline in agriculture, forestry and fishing (-22.7%), manufacturing (-1.8%) and water supply (-0.1%).— Bernama

recorded a 0.9% fall, and intermediate materials, supplies and components shrank 0.6%.

On a y-o-y basis, the PPI for local

production by SOP for November dropped 2.9%. “Indices of crude materials for further processing, finished goods and intermediate

materials, supplies and components recorded a decrease of 6.9%, 2.6% and 1.5% respectively,” it said. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/1/2019	NST	NEWS / BUSINESS	17



*The Statistics Department says the decrease in the Producer Price Index is mainly due to the year-on-year decline in agriculture, forestry and fishing indice, among others.*

## LOCAL PRODUCTION

# Producer Price Index down 2.9pc in November

**KUALA LUMPUR:** The Producer Price Index (PPI) for local production decreased 2.9 per cent year-on-year in November.

The Statistics Department said in a statement yesterday the decrease was mainly due to the year-on-year decline in agriculture, forestry and fishing (-22.7 per cent), manufacturing (-1.8 per cent) and water supply (-0.1 per cent) indices.

“Conversely, the index of mining as well as electricity and gas supply rose 4.5 and 1.2 per cent, respectively,” it said.

Compared with October, the

PPI for local production registered a decline of 2.8 per cent in November, which was contributed by the indices of mining (-16.4 per cent), agriculture, forestry and fishing (-6.4 per cent), and manufacturing (-0.7 per cent).

Water supply recorded a gain of 0.5 per cent while electricity and gas supply increased 0.3 per cent, it said.

The department said the PPI for local production by stage of processing (SOP) slid 2.8 per cent in November from the previous month.

All indices experienced a de-

cline. Crude materials for further processing saw a 10.9 per cent drop, finished goods recorded a 0.9 per cent fall, and intermediate materials, supplies and components shrank 0.6 per cent.

On a year-on-year basis, the PPI for local production by SOP for November dropped 2.9 per cent.

“Indices of crude materials for further processing, finished goods and intermediate materials, supplies and components recorded a decrease of 6.9, 2.6 and 1.5 per cent, respectively,” it said. **Bernama**